

11 AUG 2003

Syed Hamid-Hubungan/I

HUBUNGAN M'SIA-ALGERIA AKAN DIPERTINGKATKAN - SYED HAMID

Oleh: Mokhtar Hussain

ALGIERS, 11 Ogos (Bernama) -- Hubungan antara Malaysia dan Algeria diperkukuhkan lagi dengan termeterainya perjanjian perdagangan dan Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi kerjasama Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di sini hari ini.

Perjanjian itu ditandatangani selepas perbincangan empat mata antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika yang diikuti mesyuarat delegasi kedua-dua negara di kediaman presiden Algeria itu di sini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kanan Algeria, Menteri Hal Ehwal Luar Abdelaziz Belkhadem dengan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Bouteflika.

Bercakap kepada wartawan Malaysia kemudiannya, Syed Hamid berkata perbincangan kira-kira dua jam itu antara lain bertumpu pada isu-isu dua hala dan antarabangsa berkaitan perdagangan dan pelaburan.

"Mesyuarat itu juga menyentuh mengenai pelbagai isu, terutamanya mengenai kerjasama G-15," katanya.

Dr Mahathir mengetuai delegasi terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet, beberapa Menteri Besar dan ahli perniagaan dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara di utara Afrika itu.

Lawatan itu, atas jemputan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika, bertujuan membina kerjasama lebih kukuh dengan Algeria, terutamanya dalam usaha pembinaan negara itu.

Terdahulu, Dr Mahathir meletakkan kalungan bunga bagi memperingati mereka yang terkorban ketika berjuang bagi kemerdekaan Algeria di Maqam Syahid di ibu negara itu.

Algeria mencapai kemerdekaan 40 tahun lepas selepas melancarkan pemberontakan terhadap pemerintahan Perancis antara 1954 dan 1962. Antara 200,000 dan 400,000 nyawa terkorban dalam perang itu.

Ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Houari Boumedine Algiers semalam disambut oleh Bouteflika dengan diiringi 21 das tembakan meriam.

Hari ini, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat bandar "siber" baru iaitu Sidi Abdellah, kira-kira 25km dari ibu negara.

Perdana Menteri kemudian menghadiri jamuan malam negara yang dianjurkan oleh Bouteflika di Palais Du Peuple (Istana Rakyat).

-- BERNAMA

MOK NM RHM